

## TEKS UCAPAN

**YBRS. IR. MOHD HADZMIR YUSOFF,  
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA  
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN 'BELANJA DAN  
MENANG'**

**TARIKH : 28 April 2026 (Selasa)  
TEMPAT : Dewan Bankuet Persada PLUS**

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis.

- 1. Yang Berbahagia, Datuk Nik Airina Nik Jaffar  
Pengarah Urusan, PLUS Malaysia Berhad**
- 2. Yang Berusaha Encik Azrul Fakzhan Mainor  
Ketua Pegawai Komersial, Payment Network Malaysia**
- 3. Pihak pengurusan dan pegawai-pegawai kanan LLM, PLUS dan  
PayNet;**
- 4. Rakan-rakan media**
- 5. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh ,  
Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak PLUS dan PayNet atas kejayaan penganjuran Kempen 'Belanja dan Menang' yang telah diadakan bermula Oktober hingga Disember tahun lalu, serta penyampaian hadiah kepada pemenang yang bertuah hari ini.
2. Melihat kepada sambutan yang diterima, saya yakin usaha strategik yang dijalankan oleh PLUS dan Paynet ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pengguna lebuh raya, malah menyokong agenda pendigitalan negara secara menyeluruh.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kejayaan kempen ini bukan sekadar diukur melalui berapa banyaknya jumlah penyertaan diterima atau ganjaran yang ditawarkan. Tetapi yang lebih penting, bagaimana usaha ini berjaya membentuk perubahan paradigma pengguna ke arah penerimaan mekanisme pembayaran secara digital dalam ekosistem lebuh raya.
4. Seperti yang dikongsi oleh Datuk Nik Airina sebentar tadi, dengan pencapaian peratusan penerimaan pembayaran tanpa tunai yang tinggi dalam kalangan pengguna Lebuhraya PLUS semasa kempen ini dijalankan, saya percaya kita mampu mencapai perkembangan positif sehingga 100% amalan pembayaran digital di lebuh raya tidak lama lagi.

5. Perkembangan ini amat signifikan dalam industri lebuh raya pada masa kini kerana ia selari dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh ekonomi digital dan membentuk ekosistem masyarakat melakukan transaksi pembelian tanpa tunai yang menjadi salah satu pemacu utama pertumbuhan negara pada masa hadapan, selaras dengan hala tuju ke arah pembangunan Lebuhraya Pintar yang lebih bersepadu dan berorientasikan pengguna.
6. Sebagai agensi kawal selia, LLM melihat inisiatif seperti ini sebagai satu langkah penting dalam membina ekosistem lebuh raya pintar, bersepadu dan berorientasikan pengguna, selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI yang menekankan pemerksaan pendigitalan serta pembangunan ekonomi digital negara.
7. Inisiatif ini juga selari dengan *National Intelligent Transport System (ITS) Blueprint*, di mana perkembangan teknologi terutamanya dari segi pembayaran tol dan seterusnya kepada perkhidmatan yang lain akan berubah kepada suatu yang mendukung kepada industri pendigitalan.
8. Disamping itu juga, inisiatif ini menyokong penuh Hala Tuju Strategik Lembaga Lebuhraya Malaysia, iaitu penggunaan teknologi terkini dalam operasi dan penyelenggaraan lebuh raya bagi meningkatkan kecekapan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti demi keselesaan serta keselamatan pengguna.

9. Sehubungan dengan itu, LLM akan terus memainkan peranan dalam memastikan setiap pelaksanaan inisiatif dan teknologi baharu ke arah lebuh raya pintar dapat dilaksanakan secara lebih holistik dan inklusif, dengan mengambil kira aspek keselamatan, kesiapsiagaan sistem serta kebolehcapaian kepada semua pengguna.

Hadirin sekalian,

10. Kerjasama strategik antara agensi kawal selia, syarikat konsesi seperti PLUS, serta rakan industri seperti PayNet merupakan faktor utama kejayaan dalam memacu transformasi ke arah negara lebih maju pada masa akan datang.
11. Dalam pada masa yang sama, usaha memperluaskan penggunaan pembayaran tanpa tunai di kawasan rehat & rawat juga mencerminkan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam memperkasa pengalaman pengguna, bukan sahaja di plaza tol, tetapi di sepanjang perjalanan di lebuh raya.
12. Saya percaya kejayaan kempen ini merupakan satu petunjuk jelas bahawa rakyat Malaysia dan pengguna lebuh raya khususnya semakin bersedia untuk menerima perubahan ke arah gaya hidup digital. Justeru, momentum seperti ini perlu diteruskan dan diperkukuhkan agar ia menjadi norma baharu dalam ekosistem mobiliti negara.

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak PLUS dan PayNet atas kejayaan pelaksanaan kempen ini.
14. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar lagi. Terima kasih kepada semua peserta yang mengadaptasi amalan pembayaran secara digital di lebuhraya. Saya yakin amalan seperti ini perlu diteruskan bagi menikmati pengalaman berbelanja dengan lebih selamat dan mudah di lebuhraya.
15. Semoga usaha kita semua akan terus menjadi pemangkin kepada inovasi industri yang lebih moden, demi mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan lebuhraya negara yang lebih baik pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.